

SUNREIT rekord hasil kasar RM95.8 juta pada suku kedua



BERNAMA

Bursa Malaysia



09/02/2021 09:45 PM

KUALA LUMPUR, 9 Feb – Sunway Real Estate Investment Trust (SUNREIT) merekodkan hasil kasar yang lebih rendah sebanyak RM95.8 juta bagi suku kedua berakhir 31 Dis 2020 (suku kedua FP2021) berbanding RM155.8 juta dalam suku yang sama tahun sebelumnya (suku kedua FY2020).

Sunway REIT Management Sdn Bhd, pengurus bagi SUNREIT dalam makluman kepada Bursa Malaysia berkata pendapatan hartanah bersih (NPI) berkurangan kepada RM66.0 juta daripada RM116.6 juta akibat ketidakpastian dan cabaran yang dibawa oleh pandemik COVID-19.

Pada suku yang ditinjau, pemulihan segmen Runcit dan Hotel terjejas berikutan pengenalan semula perintah kawalan pergerakan bersyarat (PKPB) di beberapa negeri susulan kebangkitan semula kes COVID-19 di dalam negara, katanya.

Perolehan kasar bagi segmen runcit untuk suku yang ditinjau berjumlah RM56.8 juta berbanding RM106.7 juta pada suku kedua FY2020 akibat pelaksanaan PKPB pada Oktober tahun lepas yang telah memberi kesan ke atas pemulihan jualan semasa suku kedua FP2021.

Sehubungan itu, segmen runcit mencatatkan NPI sebanyak RM33.9 juta daripada RM74.0 juta pada suku kedua FY2020.

Perhotelan di bawah portfolio aset Sunway REIT secara kolektif mencatatkan hasil kasar sebanyak RM7.9 juta pada suku kedua FP2021 berbanding RM22.6 juta semasa suku kedua FY2020 disebabkan sekatan perjalanan antarabangsa yang masih berterusan, aktiviti perjalanan domestik yang terhad dan sentimen berhati-hati tempatan memandangkan peningkatan kes harian COVID.

Sementara itu, segmen pejabat mencatatkan lonjakan 40.0 peratus dalam perolehan kasar kepada RM14.5 juta di belakang sumbangan pendapatan baharu berikutan pengambilalihan Pinnacle Sunway yang siap dibina pada November 2020 serta kadar penghunian pejabat yang stabil.

Bagi segmen perkhidmatan, hasil kasar dan NPI merekodkan pertumbuhan 2.8 peratus dari tahun ke tahun kepada RM15.0 juta, dirangsang oleh pulangan sewa tahunan Pusat Perubatan Sunway dan kampus kolej serta universiti Sunway.

Hasil kasar segmen perindustrian lain dan NPI kekal mantap pada RM1.5 juta.

Di sebalik persekitaran operasi yang mencabar, Sunway REIT mengekalkan nisbah pembayaran agihan pendapatan sekurang-kurangnya 90 peratus daripada pendapatan boleh agih berjumlah RM26.4 juta atau agihan seunit (DPU) sebanyak 0.77 sen pada suku kedua FP2021.

"Selepas kenaikan kes COVID-19 dan pengenalan semula PKP pada 13 Jan 2021, kami terus mengekalkan pandangan berhati-hati dalam tempoh terdekat," kata Ketua Pegawai Eksekutif Sunway REIT, Datuk Jeffrey Ng.

Dengan pengedaran vaksin tidak lama lagi, usaha mengekang COVID-19 mungkin akan membuahkan kejayaan.

Beliau ketika mengulas mengenai strategi pengurusan modal berhemat berkata penggearan semasa Sunway REIT sebanyak 37.4 peratus, yang berada di bawah had baharu pada 60 peratus sehingga Disember 2022 yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, memainkan peranan penting dalam membolehkan ia fleksibel dalam portfolio dan strategi pengembangan asetnya.